

# 4

## PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

- Perspektif Keseluruhan
- Perkembangan Monetari
- Perkembangan Sektor Kewangan

Rencana 4.1 – Aset Digital

Rencana 4.2 – Potensi FinTech Islam di Malaysia

- Kesimpulan
- Rujukan



# 4 | PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

## Perspektif Keseluruhan

Persekitaran monetari dan kewangan dijangka kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Operasi monetari akan disokong oleh pasaran wang dan pertukaran asing serta aktiviti pengantaraan yang dinamik. Sektor perbankan dijangka terus teguh dan teratur didorong oleh mudah tunai yang mencukupi dan penampungan modal yang kukuh. Sementara itu, pasaran modal dijangka berdaya tahan didorong oleh infrastruktur dan instrumen sedia ada yang baik. Walau bagaimanapun, faktor luaran seperti ketegangan perdagangan antara AS dengan China yang berlarutan, kebimbangan terhadap ketidakpastian momentum pertumbuhan ekonomi dunia serta volatiliti pasaran kewangan boleh mempengaruhi prestasi kewangan dan pasaran modal.

## Perkembangan Monetari

### Dasar Monetari


Dasar monetari pada 2019 kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran harga yang stabil. Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang dikekalkan 3.25% sejak Januari 2018 telah dikurangkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada Mei 2019. Pengurangan OPR dibuat dengan mengambil kira kecenderungan risiko pertumbuhan perlahan berikutan peningkatan ketidakpastian dalam persekitaran global, ketegangan perdagangan dan kelemahan harga yang berterusan bagi komoditi. Sementara itu, mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan membolehkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kekal stabil 3.50% daripada liabiliti layak.

Sejajar dengan pelarasan OPR pada Mei 2019, kadar faedah sistem perbankan juga diturunkan. Pada akhir Julai 2019, kadar asas (BR) berjawaran bagi bank perdagangan ialah 3.68% manakala kadar pinjaman purata (ALR) berjawaran pula ialah 4.82%. Purata kadar faedah deposit tabungan bank perdagangan dikurangkan kepada 1.00% pada akhir Julai

2019. Sementara itu, kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan berada antara 2.83% hingga 3.10%.

Agregat monetari terus berkembang bagi tempoh tujuh bulan pertama 2019. Pada akhir Julai 2019, M1 meningkat 4.5% kepada RM429.6 bilion berikutan peningkatan deposit permintaan sebanyak 4.6%. Selain itu, M3 meningkat 4.9% kepada RM1,913.3 bilion disumbangkan oleh tuntutan sektor swasta. Bekalan wang dijangka disokong oleh penawaran kredit kepada sektor swasta dalam bentuk pinjaman dan sekuriti dalam jangka masa terdekat.

**Rajah 4.1. Agregat Monetari**  
(% perubahan)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2019.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Jadual 4.1. Faktor Penentu M3**  
Januari – Julai


|                                   | Perubahan<br>(RM bilion) |             |
|-----------------------------------|--------------------------|-------------|
|                                   | 2018                     | 2019        |
| <b>M3</b>                         | <b>87.0</b>              | <b>18.8</b> |
| Tuntutan bersih terhadap Kerajaan | 13.1                     | -10.9       |
| Tuntutan terhadap Kerajaan        | 39.2                     | 18.3        |
| Tolak: Deposit Kerajaan           | 26.2                     | 29.2        |
| Tuntutan terhadap sektor swasta   | 104.8                    | 37.9        |
| Pinjaman                          | 78.7                     | 26.8        |
| Sekuriti                          | 26.1                     | 11.1        |
| Aset asing bersih <sup>1</sup>    | 10.9                     | 10.9        |
| Bank Negara Malaysia              | 8.3                      | 10.8        |
| Sistem perbankan                  | 2.6                      | 0.1         |
| Pengaruh lain                     | -41.7                    | -19.1       |

<sup>1</sup> Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Rajah 4.2. Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih**  
(% perubahan)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

Nilai ringgit meningkat berbanding dolar AS pada suku pertama 2019 sejajar dengan mata wang negara serantau utama. Pengukuhan ringgit menggambarkan kesanggupan pelabur mengambil risiko berikutan sentimen pasaran yang lebih baik. Keadaan ini disokong oleh pendirian US Federal Reserve (Fed) terhadap penurunan kadar faedah yang menyebabkan peningkatan pelaburan dalam pasaran kewangan serantau. Walau bagaimanapun, ringgit menunjukkan trend penurunan mulai Mei berikutan peningkatan ketegangan perdagangan global antara AS dengan China serta kebimbangan pelabur terhadap kemungkinan FTSE Russell mengeluarkan bon Malaysia daripada Indeks Bon Kerajaan Dunia (WGBI).

Ringgit dan mata wang negara serantau lain menyusut antara 1.7% hingga 8.3% berbanding dolar AS pada akhir Ogos 2019. Walau bagaimanapun, prestasi ringgit adalah lebih baik berbanding euro, renminbi China, paun sterling, dolar Australia dan won Korea. Daya tahan ekonomi Malaysia dijangka menyokong prestasi ringgit walaupun berdepan dengan prospek global yang mencabar.

## Perkembangan Sektor Kewangan

### Prestasi Sistem Perbankan

Aktiviti sistem perbankan kekal berdaya tahan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2019. Pinjaman yang diluluskan dan

dikeluarkan berkembang 5.8% dan 2.8% kepada RM238 bilion dan RM704.8 bilion. Walau bagaimanapun, permohonan pinjaman merosot 1.8% kepada RM500.9 bilion. Sementara itu, jumlah pinjaman terkumpul meningkat 3.9% kepada RM1,728.8 bilion pada akhir Julai 2019.

Pengeluaran pinjaman perniagaan berkembang 0.4% kepada RM446.3 bilion iaitu 63% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Permohonan pinjaman perniagaan mengalami penurunan 0.7% kepada RM203.6 bilion bagi tempoh Januari hingga Julai 2019. Sebahagian besar pinjaman disalurkan kepada sektor pembuatan (31.8%); perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (29.4%); dan sektor pembinaan (11.4%). Sementara itu, jumlah pinjaman terkumpul bagi perniagaan meningkat 2.5% kepada RM610.2 bilion iaitu 35.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Sistem perbankan dijangka kekal kukuh, beroperasi dengan modal dan penampakan mudah tunai yang mampan pada 2019 dan 2020.

**Jadual 4.2. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman**  
Januari – Julai

|                                 | RM bilion |         | Perubahan (%) |      |
|---------------------------------|-----------|---------|---------------|------|
|                                 | 2018      | 2019    | 2018          | 2019 |
| <b>Jumlah<sup>1</sup></b>       |           |         |               |      |
| Permohonan pinjaman             | 510.0     | 500.9   | 6.8           | -1.8 |
| Kelulusan pinjaman              | 224.9     | 238.0   | 6.0           | 5.8  |
| Pengeluaran pinjaman            | 685.3     | 704.8   | 7.1           | 2.8  |
| Pinjaman terkumpul <sup>2</sup> | 1,663.4   | 1,728.8 | 7.4           | 3.9  |
| <i>antaranya:</i>               |           |         |               |      |
| <b>Perniagaan</b>               |           |         |               |      |
| Permohonan pinjaman             | 205.0     | 203.6   | 8.5           | -0.7 |
| Kelulusan pinjaman              | 89.9      | 92.5    | 3.4           | 2.9  |
| Pengeluaran pinjaman            | 444.4     | 446.3   | 6.7           | 0.4  |
| Pinjaman terkumpul <sup>2</sup> | 595.1     | 610.2   | 4.9           | 2.5  |
| <b>Isi rumah</b>                |           |         |               |      |
| Permohonan pinjaman             | 284.3     | 278.8   | 4.9           | -1.9 |
| Kelulusan pinjaman              | 123.4     | 128.1   | 7.4           | 3.7  |
| Pengeluaran pinjaman            | 197.0     | 199.8   | 11.6          | 1.4  |
| Pinjaman terkumpul <sup>2</sup> | 962.1     | 1,007.4 | 8.9           | 4.7  |

<sup>1</sup> Termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain.

<sup>2</sup> Pada akhir tempoh.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Jadual 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman  
Terkumpul mengikut Sektor  
(Akhir Julai)**

|                                                   | RM bilion      |                | Bahagian (%) |              |
|---------------------------------------------------|----------------|----------------|--------------|--------------|
|                                                   | 2018           | 2019           | 2018         | 2019         |
| <b>Perniagaan</b>                                 | <b>595.1</b>   | <b>610.2</b>   | <b>35.8</b>  | <b>35.3</b>  |
| <i>Sektor terpilih</i>                            |                |                |              |              |
| Pertanian primer                                  | 34.3           | 34.4           | 2.1          | 2.0          |
| Perlombongan dan kuari                            | 9.3            | 7.7            | 0.6          | 0.4          |
| Pembuatan <sup>1</sup>                            | 107.1          | 114.7          | 6.4          | 6.6          |
| Bekalan elektrik, gas dan air                     | 12.1           | 12.7           | 0.7          | 0.7          |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | 118.5          | 126.7          | 7.1          | 7.3          |
| Pembinaan                                         | 84.7           | 91.2           | 5.1          | 5.3          |
| Harta tanah                                       | 115.6          | 113.0          | 7.0          | 6.5          |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan         | 36.8           | 36.9           | 2.2          | 2.1          |
| Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan        | 53.6           | 48.8           | 3.2          | 2.8          |
| <b>Isi rumah</b>                                  | <b>962.1</b>   | <b>1,007.4</b> | <b>57.8</b>  | <b>58.3</b>  |
| <i>antaranya:</i>                                 |                |                |              |              |
| Pembelian harta tanah kediaman                    | 517.8          | 556.3          | 31.1         | 32.2         |
| Pembelian harta tanah bukan kediaman              | 79.9           | 80.1           | 4.8          | 4.6          |
| Pembelian kereta penumpang                        | 146.3          | 145.1          | 8.8          | 8.4          |
| Kredit penggunaan                                 | 129.5          | 133.5          | 7.8          | 7.7          |
| <i>antaranya:</i>                                 |                |                |              |              |
| Kad kredit                                        | 37.2           | 38.3           | 2.2          | 2.2          |
| Kegunaan persendirian                             | 92.4           | 95.1           | 5.6          | 5.5          |
| Pembelian sekuriti                                | 64.9           | 68.9           | 3.9          | 4.0          |
| Lain-lain                                         | 23.8           | 23.5           | 1.4          | 1.4          |
| <b>Sektor lain</b>                                | <b>106.3</b>   | <b>111.2</b>   | <b>6.4</b>   | <b>6.4</b>   |
| <b>Jumlah</b>                                     | <b>1,663.4</b> | <b>1,728.8</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |

<sup>1</sup> Termasuk asas tani.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pinjaman kepada isi rumah terus berkembang dengan kelulusan pinjaman meningkat 3.7% kepada RM128.1 bilion dan pengeluaran pinjaman meningkat 1.4% kepada RM199.8 bilion. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah terutamanya untuk kredit penggunaan (49.8%) diikuti pembelian harta tanah kediaman (24.8%) dan kereta penumpang (10.9%). Jumlah pinjaman terkumpul isi rumah

pada akhir Julai 2019 meningkat 4.7% kepada RM1,007.4 bilion merangkumi 58.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan.

Jumlah hutang isi rumah meningkat sedikit kepada RM1,216.7 bilion iaitu 82.2% daripada KDNK pada akhir Jun 2019. Walau bagaimanapun, paras hutang telah menyederhana sejak 2015 berikutan langkah kehematan makro dan program literasi kewangan yang diperkenalkan untuk mengawal tahap keberhutangan isi rumah. Sebahagian besar hutang terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman (54.2%) diikuti kegunaan persendirian (14.1%) dan kereta penumpang (12.9%). Jumlah aset kewangan isi rumah terus kukuh bernilai RM2,627.6 bilion dengan keupayaan isi rumah membayar hutang kekal teguh disokong pertumbuhan guna tenaga dan pendapatan yang stabil. Sehubungan itu, tahap hutang isi rumah dijangka kekal terkawal pada 2019 dan 2020.


Keupayaan sistem perbankan untuk menyerap kerugian kekal teguh disokong oleh kedudukan modal yang kukuh. Pada akhir Julai 2019, Nisbah Modal Ekuiti Biasa kumpulan 1 ialah 13.9%, Nisbah Modal kumpulan 1 (14.6%) dan Nisbah Jumlah Modal (17.9%). Nisbah ini jauh melepasi paras pengawalseliaan minimum Basel III iaitu 4.5%, 6% dan 8% daripada aset wajaran risiko. Selain itu, lebih jumlah penampungan modal<sup>1</sup> kekal tinggi iaitu RM111.4 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM23.2 bilion bagi tempoh tujuh bulan pertama 2019 walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar. Aktiviti berkaitan faedah/kewangan menyumbang sekitar 65.3% kepada pendapatan kasar. Sementara itu, pulangan ke atas aset dan ekuiti kekal stabil iaitu 1.4% dan 12.6%.

Kualiti pinjaman sistem perbankan kekal teguh sepanjang tempoh tersebut dengan nisbah pinjaman terjejas bersih stabil pada 1% manakala nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) mencatat 126.4% pada akhir Julai 2019. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) sistem perbankan pula merekodkan 155% iaitu jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum 100%.

<sup>1</sup> Jumlah lebih modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi peraturan minima yang ditetapkan oleh bank. Jumlah ini termasuk keperluan penampungan pemeliharaan modal (2.5% daripada aset wajaran risiko) dan keperluan minimum yang ditetapkan oleh bank individu.

**Rajah 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)**



<sup>1</sup>Akhir Julai 2019.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Prospek sistem kewangan domestik dijangka kekal positif walaupun terdapat cabaran luaran termasuk pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan disebabkan ketegangan perdagangan dan geopolitik. Keadaan ini disokong oleh mudah tunai yang tinggi dalam pasaran kewangan dan institusi kewangan yang teguh. Jangkaan positif ini juga berdasarkan keyakinan terhadap sistem kewangan berikutan pembaharuan yang dilaksanakan semasa krisis kewangan Asia dan global serta perubahan model perniagaan untuk memenuhi permintaan pasaran.


#### Rencana 4.1

### Aset Digital

#### Pengenalan

Mata wang dan token digital (aset digital) yang tidak berpusat dibangunkan dalam rangkaian lejar teragih melalui gabungan kriptografi dan teori ekonomi untuk mengesahkan transaksi dan mengawal bekalan aset. Bitcoin merupakan aset digital pertama yang berfungsi setelah diperkenalkan oleh Satoshi Nakamoto pada 2008. Aset ini berfungsi secara khusus sebagai sistem pembayaran elektronik antara rakan setara dan bagi mengatasi masalah perbelanjaan berganda<sup>1</sup> dalam transaksi digital. Penggunaan awal aset digital bertujuan untuk menghasilkan wang digital dan kini terdapat lebih daripada 700 aset digital dalam pasaran sejak kewujudan Bitcoin. Walaupun token digital yang berbeza telah dicipta untuk penggunaan yang lebih meluas selain daripada perkhidmatan kewangan, namun Bitcoin kekal sebagai aset digital yang paling dikenali dan digunakan. Sementara itu, jumlah permodalan pasaran aset digital pada 2018 meningkat ketara iaitu USD818 bilion<sup>2</sup> sebelum menyederhana kepada USD263 bilion<sup>3</sup> pada 2019.

**Rajah 4.1.1. Sepuluh Mata Wang Digital Tertinggi mengikut Permodalan Pasaran**



Sumber: CryptoCompare.


<sup>1</sup> Perbelanjaan berganda merupakan suatu kelemahan iaitu token digital yang sama boleh dibelanjakan lebih daripada sekali.

<sup>2</sup> Pada 8 Januari 2018.

<sup>3</sup> Pada 23 September 2019.

### Rajah 4.1.2. Bagaimana Mata Wang Digital Berfungsi?


#### Kaedah Pemrosesan



Sumber: Yusuf, 2019.

### Rajah 4.1.3. Faedah dan Risiko Aset Digital

#### Faedah



#### Risiko

##### Integriti Kewangan dan Keyakinan Pasaran

- Pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan berikutan transaksi yang dirahsiakan
- Pelabur terdedah kepada volatiliti harga yang tinggi
- Risiko keselamatan siber dan eksploitasi pengguna (contohnya penipuan dan skim Ponzi)
- Berdasarkan statistik, ICO berisiko tinggi: 71% tidak memiliki prototaip/produk yang boleh digunakan dan 10% dana ICO hilang/dicuri (EY, 2018)

##### Kestabilan Kewangan dan Monetari

(sekiranya aset digital digunakan secara meluas untuk aktiviti ekonomi sebenar)

- Penggantian ringgit dalam jumlah besar bagi melaksanakan transaksi akan menjejaskan keberkesanan dasar monetari (seperti *dollarisation*)
- Kestabilan harga dan keyakinan terhadap sistem monetari boleh terjejas kerana kekurangan kawalan terhadap terbitan
- Menjejaskan fungsi bank sebagai pemberi pinjaman melalui persaingan terhadap deposit
- Pengeluaran deposit secara meluas boleh menjejaskan operasi bank dan kehilangan keyakinan terhadap sistem kewangan

Pada masa yang sama, pendekatan baharu pemerolehan dana alternatif yang dikenali sebagai tawaran syiling awal (ICO) telah dibangunkan. Syarikat boleh menerbitkan token digital dan menawarkan kepada pelabur melalui ICO. Dana ICO biasanya digunakan oleh syarikat baru mula apabila usahawan perlu mengumpul dana untuk memulakan projek dan perniagaan. Sungguhpun aset digital dicetuskan oleh kumpulan peneroka yang baharu, namun aset ini semakin mendapat perhatian dan minat dalam kalangan masyarakat dan perniagaan. Sehubungan itu, menjadi keperluan kepada umum untuk memahami ciri, manfaat dan risiko aset digital.

### **Aset Digital dalam Konteks Malaysia**

Selaras dengan perkembangan pesat aset digital di peringkat global, kerajaan dan pengawal selia telah mengambil pendekatan dan langkah berbeza untuk menghadapi risiko yang mungkin berlaku daripada aktiviti yang melibatkan aset ini. Sehubungan itu, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) telah menerbitkan panduan kepada semua negara anggota termasuk Malaysia dan penyedia perkhidmatan aset maya pada Jun 2019. Panduan ini bertujuan memberi pemahaman tentang tanggungjawab membantulas pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta melaksanakan keperluan FATF dengan berkesan ke atas sektor ini. Dari perspektif Malaysia, pengawal selia kewangan iaitu Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah bekerjasama rapat dengan mengambil tindakan proaktif terhadap sektor yang sedang berkembang dan meneroka kaedah untuk memudah cara inovasi dalam pasaran tempatan di samping memastikan pelaksanaan langkah perlindungan yang diperlukan. Sehubungan itu, BNM dan SC sejak 2017 telah mengeluarkan beberapa kenyataan amaran kepada umum yang berurusan dengan aset digital serta mengambil tindakan pengawalseliaan terhadap sebarang tingkah laku mencurigakan atau menyalahi undang-undang.

Dari sudut perundangan, BNM telah meminda Peraturan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) untuk mata wang digital pada Februari 2018 dengan menambah Sektor 6 yang baharu untuk aset digital. Sektor baharu ini menetapkan keperluan AML/CFT terhadap penyedia perkhidmatan aset digital di Malaysia. Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Preskripsi Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 mula dikuatkuasakan pada Januari 2019. Perintah pasaran modal ini menetapkan bahawa sebarang aset digital yang ditawarkan dalam bentuk pelaburan atau digunakan untuk kaedah pemerolehan dana dianggap sebagai sekuriti di Malaysia. Pihak SC kemudian meminda Garis Panduan Pasaran yang Diiktiraf untuk memasukkan keperluan pengawalseliaan untuk bursa aset digital (DAX) dan telah mendaftar tiga pengendali DAX di bawah garis panduan tersebut pada Mei 2019. Pengendali DAX tersebut telah diberi tempoh sembilan bulan untuk mematuhi panduan dan beroperasi sepenuhnya dan merupakan pengendali yang sah untuk perdagangan aset digital di Malaysia. Selain itu, SC juga telah menerbitkan kertas perundingan awam mengenai ICO yang bertujuan untuk memperkenalkan garis panduan rasmi dalam jangka masa terdekat. Sungguhpun perkembangan pengawalseliaan masih berterusan, namun eksperimen/projek perintis yang signifikan telah dijalankan di peringkat tempatan terhadap penggunaan teknologi lejar teragih dalam konteks ekonomi yang lebih luas. Inisiatif tersebut merangkumi Projek Castor SC terhadap pasaran tidak tersenarai dan atas kaunter; usaha BNM dengan sembilan bank untuk aplikasi pembiayaan perdagangan; projek perintis Bursa Malaysia ke atas Pinjaman dan Pembiayaan Sekuriti (SBL); serta usaha Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan sebuah konsortium universiti bagi merekod dan mengesahkan sijil universiti pada lejar teragih.

### **Kesimpulan**

Walaupun aset digital telah mendapat perhatian yang meluas berikutan potensi aset ini menggugat sistem kewangan, namun aset ini masih baharu dengan kadar penggunaan yang masih terhad di peringkat domestik dan global. Beberapa syarikat besar dan terkemuka dalam sektor utama telah mula mengorak langkah untuk menerima pakai beberapa jenis mata wang digital dalam operasi syarikat. Meskipun impak daripada penggunaan aset ini masih belum dirasakan sepenuhnya, namun aset digital mungkin mempunyai peranan yang lebih besar dalam ekonomi atau hanya menjadi bahan koleksi eksklusif bergantung kepada hasil daripada penggunaannya. Justeru, pihak berkuasa di seluruh dunia akan terus memantau perkembangan aset ini untuk menerbitkan pelan tindakan bagi menangani isu dan cabaran berkaitan aset digital.

## Prestasi Pasaran Modal

Pemerolehan dana kasar dalam pasaran modal meningkat 27.8% kepada RM167.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2019. Prestasi ini terutamanya disokong oleh aktiviti pemerolehan dana sektor swasta yang meningkat dengan ketara sebanyak 47% kepada RM89.2 bilion. Pemerolehan dana kasar oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti tempatan berkembang secara mendadak daripada RM0.9 bilion kepada RM5 bilion susulan tawaran awam awal (IPO) yang meningkat daripada RM0.6 bilion kepada RM1.6 bilion manakala terbitan hak meningkat daripada RM0.3 bilion kepada RM3.5 bilion.

**Jadual 4.4. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal Januari – Julai**

|                                                   | RM juta         |                  |
|---------------------------------------------------|-----------------|------------------|
|                                                   | 2018            | 2019             |
| <b>Sektor Awam</b>                                |                 |                  |
| <b>Sekuriti Kerajaan</b>                          |                 |                  |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia                        | 35,423.6        | 38,797.1         |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia              | 35,246.2        | 39,853.7         |
| <b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>            | <b>70,669.9</b> | <b>78,650.8</b>  |
| Tolak: Penebusan                                  | 25,970.7        | 26,093.4         |
| <b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam</b>   | <b>44,699.1</b> | <b>52,557.3</b>  |
| <b>Sektor Swasta</b>                              |                 |                  |
| <b>Saham<sup>1</sup>/Waran</b>                    |                 |                  |
| Tawaran Awam Awal                                 | 571.8           | 1,570.0          |
| Terbitan Hak                                      | 324.7           | 3,466.7          |
| Waran                                             | -               | -                |
| <b>Terbitan baharu saham/waran</b>                | <b>896.4</b>    | <b>5,036.8</b>   |
| <b>Sekuriti hutang<sup>2</sup></b>                |                 |                  |
| Bon biasa                                         | 2,470.0         | 3,090.0          |
| Bon boleh tukar                                   | -               | -                |
| Bon Islam                                         | 724.6           | 2,944.3          |
| Nota jangka pertengahan                           | 56,594.1        | 78,137.8         |
| <b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>            | <b>59,788.7</b> | <b>84,172.1</b>  |
| Tolak: Penebusan                                  | 24,835.6        | 41,630.0         |
| <b>Terbitan bersih sekuriti hutang</b>            | <b>34,953.1</b> | <b>42,542.1</b>  |
| <b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta</b> | <b>35,849.5</b> | <b>47,578.8</b>  |
| <b>Jumlah pemerolehan dana bersih</b>             | <b>80,548.6</b> | <b>100,136.2</b> |

<sup>1</sup> Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

<sup>2</sup> Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Jadual 4.5. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor Januari – Julai**

|                                                             | RM juta         |                 | Bahagian (%) |              |
|-------------------------------------------------------------|-----------------|-----------------|--------------|--------------|
|                                                             | 2018            | 2019            | 2018         | 2019         |
| Pertanian, perhutanan dan perikanan                         | 83.6            | 50.0            | 0.1          | 0.1          |
| Pembuatan                                                   | 1,490.0         | 670.0           | 2.5          | 0.8          |
| Pembinaan                                                   | 3,977.9         | 1,724.3         | 6.7          | 2.0          |
| Elektrik, gas dan air                                       | 8,057.1         | 4,600.0         | 13.5         | 5.5          |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan                   | 1,415.0         | 32.0            | 2.4          | 0.0          |
| Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan | 41,080.3        | 70,263.5        | 68.7         | 83.5         |
| Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain                         | 3,277.8         | 5,354.9         | 5.5          | 6.4          |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel           | 407.0           | 1,477.5         | 0.7          | 1.8          |
| <b>Jumlah</b>                                               | <b>59,788.7</b> | <b>84,172.1</b> | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.

Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Peningkatan ini didorong oleh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik dalam kalangan pelabur tempatan dan asing.


Pemerolehan dana melalui terbitan baharu bon korporat meningkat 40.8% kepada RM84.2 bilion dalam tempoh yang sama. Peningkatan ini ditunjukkan melalui terbitan baharu nota jangka pertengahan yang lebih tinggi mencakupi 92.8% daripada jumlah bon korporat. Sebahagian besar dana dikumpul melalui sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan meliputi 83.5% jumlah keseluruhan terbitan baharu bon korporat. Sebahagian besar dana ini digunakan bagi membiayai projek infrastruktur, aktiviti perniagaan dan modal kerja. Pemerolehan dana dalam pasaran modal dijangka terus kukuh dipacu oleh pelbagai projek strategik dalam jangka masa terdekat.

Pemerolehan dana kasar oleh sektor awam meningkat 11.3% kepada RM78.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2019. Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat RM38.8 bilion manakala

Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) meningkat RM39.9 bilion. Peningkatan terbitan ini disokong secara berterusan dalam kalangan institusi tempatan dan pelabur asing. Pegangan asing bagi MGS dan MGII mencatat 38.3% dan 4.4% pada akhir Julai 2019. Peningkatan terhadap permintaan bon tempatan oleh pelabur asing didorong aktiviti pencarian keuntungan berikutan sentimen penurunan kadar faedah.


Kadar hasil MGS dan bon korporat bagi semua tempoh matang serta tahap penarafan telah berkurang selari dengan bon global pada akhir Julai 2019 didorong oleh minat pelabur asing yang tinggi terhadap sekuriti pendapatan tetap Malaysia. Penurunan ini disebabkan oleh aktiviti pencarian keuntungan yang aktif berikutan pengurangan OPR oleh BNM dan pendirian Fed menurunkan kadar faedah. Kadar hasil MGS

**Rajah 4.4. Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)**  
(Akhir tempoh)




<sup>1</sup> Akhir Julai 2019.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Rajah 4.5. Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul**  
(Akhir tempoh)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2019.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

**Rajah 4.6. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun**  
(Akhir tempoh)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2019.  
Sumber: Bank Negara Malaysia.

bagi tempoh matang 1-tahun, 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun berkurang antara 29 hingga 49 mata asas dalam tempoh Januari hingga Julai 2019. Di pasaran bon korporat pula, kadar hasil sekuriti bertempoh matang 5-tahun dengan penarafan AAA, AA dan A merosot antara 51 hingga 79 mata asas berikutan pelabur beralih kepada aset berisiko rendah.

Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) merosot sejajar dengan bursa serantau utama pada awal tahun 2019 disebabkan oleh sentimen yang lemah berikutan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat serta kewangan global yang ketat. Bursa tempatan mencatat penurunan kecil pada minggu pertama Januari 2019 sebelum meningkat pada minggu ketiga 2019. Trend positif tersebut berterusan dan mencatat tahap tertinggi 1,730.68 mata pada 21 Februari 2019. Trend peningkatan ini disokong terutamanya oleh sentimen pasaran positif berikutan penerusan semula rundingan perdagangan.

Walau bagaimanapun, bursa tempatan terus merosot pada suku pertama 2019 berikutan kebimbangan terhadap ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi global terutamanya pertumbuhan yang perlahan di China dan keuntungan korporat domestik suku keempat 2018 yang lebih rendah daripada jangkaan. Trend ini berterusan pada minggu kedua dan ketiga April disebabkan oleh keputusan Norway menggugurkan Malaysia daripada penanda aras pendapatan tetap, penurunan unjuran pertumbuhan global oleh IMF dan kemungkinan bon Malaysia diturun taraf oleh FTSE Russell.

Walau bagaimanapun, FBM KLCI ditutup 1,642.29 mata pada akhir April 2019 berikutan peningkatan sentimen pelabur didorong oleh pemulihan semula projek seperti Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) dan Bandar Malaysia.

Pasaran ekuiti merosot mulai Mei dan mencatat 1,598.32 mata pada minggu ketiga disebabkan oleh kebimbangan kegagalan dalam rundingan perdagangan antara AS dengan China yang menyebabkan aliran keluar dana asing. Walau bagaimanapun, FBM KLCI meningkat semula pada minggu terakhir Mei dan sepanjang Jun 2019. Trend kenaikan ini antara lain disebabkan oleh jangkaan penurunan kadar faedah oleh Fed pada Julai serta rundingan semula perdagangan antara AS dengan China. Walau bagaimanapun, FBM KLCI berkurang kepada 1,612.14 mata pada akhir Ogos berikutan unjuran

pertumbuhan dunia yang lebih perlahan oleh IMF dan peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dengan China.

Sementara itu, permodalan pasaran berkurang 9.4% kepada RM1,690.3 bilion manakala jumlah dagangan merosot 5.2% kepada 444.3 bilion unit pada akhir Ogos. Jumlah nilai urus niaga pasaran pula berkurang 20.5% kepada RM361.2 bilion. Walau bagaimanapun, halaju pasaran kekal pada 28.8% manakala volatiliti pasaran merekodkan 21.9%. Di samping itu, pegangan saham asing berjumlah 23% daripada keseluruhan permodalan pasaran dalam bursa tempatan pada akhir Ogos 2019. Pasaran ekuiti domestik dijangka kekal berdaya tahan pada 2020 disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh, mudah tunai domestik yang mencukupi dan instrumen pasaran modal sedia ada yang teguh.


**Jadual 4.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih**  
(Akhir Ogos)

|                                                                     | 2018            | 2019            |
|---------------------------------------------------------------------|-----------------|-----------------|
| <b>Indeks</b>                                                       |                 |                 |
| FBM KLCI                                                            | 1,819.66        | 1,612.14        |
| FBM EMAS                                                            | 12,719.42       | 11,348.50       |
| FBM 100                                                             | 12,526.43       | 11,190.63       |
| FBM SCAP                                                            | 14,453.18       | 12,876.98       |
| FBM ACE                                                             | 5,283.71        | 4,488.20        |
| <b>Jumlah urus niaga<sup>1</sup></b>                                |                 |                 |
| Bilangan (juta unit)                                                | 468,760.02      | 444,344.95      |
| Nilai (RM juta)                                                     | 454,233.15      | 361,163.09      |
| <b>Purata urus niaga harian<sup>1</sup></b>                         |                 |                 |
| Bilangan (juta unit)                                                | 2,875.83        | 2,742.87        |
| Nilai (RM juta)                                                     | 2,786.71        | 2,229.40        |
| <b>Permodalan pasaran (RM bilion)</b>                               | <b>1,865.84</b> | <b>1,690.26</b> |
| <b>Bilangan syarikat disenaraikan</b>                               |                 |                 |
| Pasaran Utama                                                       | 781             | 773             |
| Pasaran ACE                                                         | 121             | 126             |
| Pasaran LEAP                                                        | 8               | 24              |
| <b>Kecairan pasaran</b>                                             |                 |                 |
| Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)                             | 24.3            | 21.4            |
| <b>Penumpuan pasaran</b>                                            |                 |                 |
| 10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%) | 34.5            | 34.1            |

<sup>1</sup> Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga Ogos.

Sumber: Bursa Malaysia.

**Rajah 4.7. Prestasi Bursa Malaysia**




<sup>1</sup> Akhir tempoh.

<sup>2</sup> Akhir Ogos 2019.

Sumber: Bursa Malaysia.

**Rajah 4.8. Prestasi Pasaran Saham Terpilih**  
(% perubahan)



Sumber: Bloomberg.

### Inisiatif Utama Pasaran Modal

Beberapa inisiatif telah dilaksana dalam tempoh lapan bulan pertama 2019 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan dalam pasaran modal seperti berikut:



## Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Industri perbankan Islam mencatatkan pertumbuhan mampan dengan jumlah aset bernilai RM977 bilion<sup>2</sup> dan bahagian pasaran 32.9% daripada jumlah aset perbankan pada akhir Julai 2019. Sementara itu, jumlah pembiayaan Islam terkumpul meningkat 12.9% kepada RM716 bilion. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh pembiayaan sektor isi rumah yang meningkat 17.1% kepada RM449 bilion khususnya pembelian untuk harta

**Jadual 4.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama<sup>1</sup>**  
(Akhir Julai)

|                                                   | RM bilion    |              | Perubahan (%) |             |
|---------------------------------------------------|--------------|--------------|---------------|-------------|
|                                                   | 2018         | 2019         | 2018          | 2019        |
| <b>Aset</b>                                       | <b>725.8</b> | <b>806.5</b> | <b>17.8</b>   | <b>11.1</b> |
| <b>Pembiayaan</b>                                 | <b>549.8</b> | <b>594.8</b> | <b>18.8</b>   | <b>8.2</b>  |
| Pertanian primer                                  | 15.2         | 16.4         | 0.1           | 8.1         |
| Perlombongan dan kuari                            | 5.1          | 3.5          | -7.8          | -30.8       |
| Pembuatan <sup>2</sup>                            | 23.0         | 27.3         | 3.5           | 18.4        |
| Bekalan elektrik, gas dan air                     | 2.7          | 3.4          | 50.9          | 26.4        |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | 23.7         | 27.4         | 16.3          | 15.4        |
| Pembinaan                                         | 33.9         | 35.0         | 57.3          | 3.2         |
| Harta tanah                                       | 26.5         | 28.4         | 13.0          | 7.1         |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan         | 16.3         | 17.3         | -10.1         | 5.7         |
| Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan        | 35.6         | 33.5         | -6.2          | -5.9        |
| Pendidikan, kesihatan dan lain-lain               | 21.2         | 20.2         | -0.5          | -4.5        |
| Isi rumah                                         | 331.7        | 367.3        | 23.4          | 10.7        |
| Lain-lain                                         | 14.9         | 15.1         | 134.2         | 1.9         |
| <b>Liabiliti</b>                                  | <b>673.2</b> | <b>748.6</b> | <b>17.8</b>   | <b>11.2</b> |
| <b>Depositi dan Akaun Pelaburan</b>               | <b>537.3</b> | <b>610.3</b> | <b>19.4</b>   | <b>13.6</b> |
| Pelaburan                                         | 0.8          | 0.7          | -15.3         | -16.1       |
| Tabungan                                          | 40.9         | 44.2         | 6.2           | 8.1         |
| Permintaan                                        | 74.4         | 82.7         | 4.9           | 11.2        |
| Akaun pelaburan                                   | 76.0         | 80.6         | 1.1           | 6.0         |
| Lain-lain                                         | 421.2        | 482.6        | 24.0          | 14.6        |

<sup>1</sup> Tidak termasuk DFI.

<sup>2</sup> Termasuk asas tani.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

<sup>2</sup> Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).

tanah kediaman. Peningkatan signifikan ini sebahagiannya disokong oleh permintaan lebih tinggi bagi harta tanah kediaman berikutan inisiatif berterusan dan promosi oleh pelbagai pihak.

Prospek sektor perbankan Islam dijangka kekal stabil pada 2019 sejajar dengan sektor perbankan konvensional. Keadaan ini disokong oleh permintaan berterusan untuk produk dan perkhidmatan perbankan Islam serta pelaksanaan Perantaraan Berasaskan Nilai oleh BNM. Bahagian pasaran bagi industri perbankan Islam tempatan dijangka mencapai 40% daripada jumlah aset perbankan pada 2020.

Malaysia terus menjadi peneraju dalam pasaran modal Islam (ICM) dengan ekuiti Islam dan terbitan sukuk menjadi antara yang terbesar di dunia. Bahagian ekuiti domestik bagi ICM bernilai RM1,081.1 bilion menyumbang 62.7% daripada jumlah permodalan pasaran pada akhir Julai 2019. Sementara itu, terbitan sukuk berjumlah RM148.9 bilion menyumbang 60.9% daripada jumlah bon yang diterbitkan. Sukuk terkumpul pula berjumlah RM922.8 bilion atau 61.6% daripada jumlah bon terkumpul. Malaysia merupakan penyumbang terbesar sukuk terkumpul global iaitu 48.8% pada tempoh yang sama.


Bursa Malaysia menawarkan pelbagai produk sekuriti patuh Syariah dan menjadi peneraju utama pasaran saham dalam kalangan ekonomi yang berkembang pesat. Sekuriti patuh Syariah ini disenaraikan di pasaran Utama dan pasaran ACE. Sejumlah 699 daripada 924 syarikat yang disenaraikan sehingga akhir Julai 2019 merupakan syarikat patuh Syariah dan senarai ini dikemas kini dua kali setahun.

Purata nilai dagangan harian (ADV) sekuriti patuh Syariah berjumlah RM1.3 bilion daripada ADV keseluruhan yang bernilai RM2 bilion menggambarkan indeks patuh Syariah mengatasi indeks konvensional. Selain itu, lima individu dan dua syarikat baharu telah diluluskan oleh SC sebagai penasihat Syariah berdaftar bagi produk dan perkhidmatan ICM dalam tempoh tujuh bulan pertama 2019. Secara keseluruhan, terdapat 69 penasihat Syariah yang terdiri daripada 49 individu dan 20 syarikat bagi menyokong usaha untuk memperkukuh urusan niaga produk patuh Syariah.

Peranan ICM dijangka kekal penting dalam pasaran modal Malaysia dipacu oleh permintaan kukuh bagi instrumen patuh Syariah. Di samping itu, inovasi berterusan dalam segmen ini akan memastikan Malaysia kekal sebagai peneraju utama ICM di peringkat global dengan ICM dikenal pasti antara saluran

pembiayaan untuk menyokong agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Seajar dengan aspirasi ini, Malaysia sedang merangka inisiatif bagi mempercepat pembangunan instrumen Pelaburan Bertanggungjawab dan Mampan (SRI) untuk menyokong taksonomi hijau bagi pasaran modal.

**Rajah 4.9. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara**  
(% bahagian)



<sup>1</sup> Lain-lain termasuk Afrika Selatan, AS, Bahrain, Bangladesh, Brunei, Gambia, Hong Kong, Ivory Coast, Jordan, Kuwait, Luxembourg, Maldives, Mauritius, Nigeria, Oman, Pakistan, Senegal, Singapura, Turki dan UK.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia.

## Rencana 4.2

### Potensi FinTech Islam di Malaysia

#### Pengenalan

Teknologi menjadi komponen penting pasaran perkhidmatan kewangan di seluruh dunia sejak beberapa dekad. Teknologi kewangan (FinTech) yang digerakkan oleh IR 4.0 telah meningkatkan perkhidmatan kewangan, operasi, model perniagaan dan penglibatan pelanggan abad ke-20 dengan pantas (IFR, 2018). Entiti FinTech adalah institusi bukan kewangan yang menggunakan teknologi ini dalam menyediakan perkhidmatan kewangan seperti pinjaman, pelaburan, pembayaran, pengurusan risiko, analitis data dan pengurusan kekayaan (GIFR, 2017). Aktiviti FinTech merangkumi pembayaran mudah alih, pemindahan wang, platform dagangan, pendanaan orang ramai dan pembiayaan Antara Rakan Setara (P2P). Dalam konteks FinTech Islam, semua aktiviti ini mesti patuh Syariah. Menurut Thomson Reuters (2018), industri kewangan Islam mempunyai potensi yang besar dengan aset dijangka mencecah USD3.9 trilion menjelang 2023. Walau bagaimanapun, FinTech Islam di Malaysia masih di peringkat awal dan mempunyai prospek pertumbuhan yang luas.

#### Peluang dan Cabaran

Kemunculan FinTech menjadikan kewangan Islam lebih kompetitif dan menarik kepada pelanggan kerana memberikan pilihan yang sesuai dengan keperluan individu. Inovasi ini juga menarik lebih ramai pelanggan melalui kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dengan kos

yang lebih rendah dan cekap. Selain itu, pengguna juga mendapat faedah daripada pengalaman terbaik yang diperoleh melalui perkhidmatan FinTech Islam dengan memanfaatkan internet, peranti mudah alih, integrasi media sosial, analitis data raya (BDA) dan kecerdasan buatan (AI). FinTech juga membolehkan pembiayaan ekuiti berasaskan Musyarakah<sup>1</sup> dan Mudharabah<sup>2</sup> dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui platform pendanaan orang ramai dan P2P untuk PKS.

Penggunaan FinTech yang semakin luas dalam kewangan Islam menyebabkan institusi kewangan Islam (IFI) tradisional menghadapi persaingan yang meningkat. Oleh yang demikian, IFI perlu mengurangkan margin keuntungan pembiayaan dan yuran perkhidmatan untuk kekal berdaya saing. Pilihan lebih luas yang tersedia untuk pelanggan melabur melalui P2P dalam talian dan pasaran pendanaan orang ramai juga boleh mengakibatkan pengurangan deposit dan portfolio pelaburan.

### **Perkembangan Terkini dalam FinTech Islam**

Pendanaan orang ramai merupakan platform pertama diperkenalkan semasa permulaan era FinTech Islam di pasaran Malaysia. Pada 2016, FinTech Islam telah mencapai kemajuan yang ketara. Kemajuan ini termasuk pengenalan Platform Akaun Pelaburan (IAP), Pendanaan Orang Ramai Islam, Perikatan FinTech Islam (IFT Alliance), pembiayaan P2P Islam dan Penasihat Robo Islam.

#### **Platform Akaun Pelaburan**

Inisiatif IAP merupakan platform FinTech pengantara bank dalam talian yang pertama disokong oleh enam IFI. Penubuhan platform ini bertujuan memudahkan pepadanan pelaburan berdaya maju atau projek yang memerlukan pembiayaan serta berperanan sebagai pusat utama pembiayaan PKS. Sehingga Ogos 2019, IFI penaja IAP telah menyenaraikan 12 tawaran bernilai RM184 juta bagi pelbagai tujuan perniagaan.

#### **Pendanaan Ramai Islam**

Secara umum, pendanaan orang ramai merupakan sumber modal alternatif terutamanya untuk syarikat baru mula dan PKS bagi membiayai pengembangan perniagaan, modal kerja dan keperluan kewangan yang lain. Walau bagaimanapun, pendanaan ramai Islam bukan sahaja bertujuan untuk perniagaan seperti pembiayaan ekuiti atau P2P tetapi juga untuk mengumpul derma dan pendanaan orang ramai berasaskan ganjaran. Pada Mei 2019, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mendaftarkan tiga syarikat Pendanaan Ekuiti Ramai (ECF) baharu dan salah satu daripadanya merupakan pengendali platform ECF Islam yang menawarkan perkhidmatan seperti harta tanah dan Sadaqah.<sup>3</sup>

#### **Perikatan FinTech Islam**

Pada April 2016, IFT Alliance dilancarkan di Kuala Lumpur melibatkan lapan pengendali platform pendanaan ramai Islam di seluruh dunia. Pengasas perikatan ini menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti pinjaman kepada usahawan, peluang pelaburan, pembiayaan pendidikan dan pendanaan harta tanah ramai. Perikatan ini bertujuan memastikan keselamatan dan amanah dengan mewujudkan, mempromosi dan menguatkuasakan piawaian bersama bagi kewangan Islam. Langkah ini juga bertujuan membina, mengembang dan menambah baik idea inovatif yang patuh Syariah serta mengambil kira kesan sosial. Tambahan pula, perikatan ini bekerjasama dengan pengawal selia dan pihak berkepentingan untuk membina dan menyokong ekosistem yang dinamik melalui jalinan serta kolaborasi industri.

<sup>1</sup> Perniagaan perkongsian iaitu keuntungan atau kerugian yang diperoleh melalui usaha sama berkenaan akan dikongsi mengikut nisbah yang dipersetujui.

<sup>2</sup> Pelabur (dikenali sebagai Rabbul Mal) menyediakan modal manakala usahawan (Mudharib) menyediakan kepakaran dan pengkhususan.

<sup>3</sup> Meliputi waqaf dan zakat serta biasiswa untuk pendidikan tinggi.

**Pembiayaan Antara Rakan Setara Patuh Syariah**

Pada 2016, SC telah mengeluarkan lesen P2P patuh Syariah yang pertama di dunia kepada satu daripada enam syarikat P2P berdaftar. Inisiatif ini bertujuan menjadi pelengkap kepada kesedaran global yang semakin meningkat terhadap Kewangan Islam melalui teknologi bagi memastikan transaksi yang lancar antara pembiayaan perniagaan dan pulangan pelaburan. Platform P2P juga dijangka menyediakan peluang yang luas kepada PKS mengakses pembiayaan manakala pelabur mempunyai saluran alternatif untuk mendapatkan pulangan pelaburan yang lebih tinggi.

**Penasihat Robo Islam**

Perkhidmatan penasihat robo patuh Syariah yang dikenali sebagai Algebra telah diperkenalkan pada Julai 2017 di Kuala Lumpur sebagai penasihat robo Islam pertama di dunia. Perkhidmatan dalam talian ini menyediakan nasihat pengurusan portfolio berautomasi kepada pelanggan. Sistem Algebra menguruskan portfolio aset dengan memadankan tahap kesanggupan individu mengambil risiko dengan indeks stok melalui penggunaan algoritma. Sistem ini juga menawarkan alternatif yang lebih telus, mudah dan murah berbanding pegawai penasihat kewangan.

**Melangkah ke Hadapan**

Malaysia mengekalkan kedudukan utama sebagai pasaran kewangan Islam termaju di peringkat global (Thomson Reuters, 2017). Walau bagaimanapun, usaha perlu ditingkatkan bagi memperkukuh kedudukan Malaysia dalam FinTech Islam. Pada masa ini, terdapat beberapa inisiatif sedang dilaksanakan bagi mempercepat pertumbuhan FinTech Islam di negara ini.

Malaysia telah menerbitkan garis panduan *FinTech Regulatory Sandbox* sebagai dokumen rujukan. Rangka kerja ini bertujuan menyediakan persekitaran kondusif untuk penggunaan teknologi kewangan bagi memupuk inovasi dalam perkhidmatan kewangan yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sektor kewangan. Inisiatif ini juga membolehkan inovasi FinTech Islam dan konvensional diuji dan digunakan dalam persekitaran sebenar, di bawah parameter khusus dan jangka masa tertentu. Elemen sokongan lain dalam ekosistem FinTech yang lebih luas juga disediakan untuk manfaat pemain FinTech dalam kewangan Islam termasuk *Financial Technology Enable Group* (FTEG), *Komuniti Alliance of FinTech* (aFINity) dan *Hab Global FinTech Islam*.

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah menyediakan peluang kepada pemain digital Islam bagi mengembangkan kapasiti dan meningkatkan permintaan produk dan perkhidmatan melalui pengenalan Panduan Ekonomi Digital Islam (IDE). Garis panduan ini yang juga dikenali sebagai *Mi'yar* berfungsi sebagai rujukan untuk syarikat baru mula, syarikat modal teroka dan pemain ekosistem sokongan yang ingin meneroka dan memahami komponen IDE. Komponen ini termasuk modal teroka Islam, operasi perniagaan serta produk dan perkhidmatan dalam perspektif Halal atau patuh Syariah. Semua pemain yang mematuhi *Mi'yar* akan disenarai sebagai syarikat patuh-IDE dan diiktiraf sebagai penyedia barang dan perkhidmatan berasaskan Islam.

**Kesimpulan**

FinTech Islam di Malaysia berpotensi untuk berkembang pesat walaupun masih di peringkat awal. Pertumbuhan ini disokong dengan peningkatan kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingan dan permintaan tinggi daripada pelanggan serta persekitaran kawal selia yang kondusif dalam pasaran utama kewangan Islam. Penggunaan dan langkah yang diambil melalui inovasi digital patuh Syariah akan mewujudkan peluang baharu yang lebih besar untuk pemain industri. Justeru, pemain industri perlu memainkan peranan yang lebih agresif dalam mempercepat inovasi digital untuk terus menyokong FinTech Islam dan memastikan pertumbuhan pesat dalam industri kewangan Islam. Seterusnya, aspirasi Malaysia untuk menjadi hab kewangan Islam global dapat dicapai dengan memanfaatkan FinTech Islam demi memenuhi permintaan pelanggan dan pasaran yang berkembang pesat.

## Kesimpulan

Dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kestabilan harga. Sementara itu, pasaran kewangan dijangka bertambah kukuh disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang rancak dan pelaksanaan semula projek strategik. Walau bagaimanapun, faktor

luaran termasuk ketegangan perdagangan, volatiliti dalam pasaran kewangan global dan pergolakan geopolitik boleh menjejaskan prestasi kewangan dan pasaran modal. Justeru, usaha akan dipergiat bagi memperkukuh pasaran kewangan dengan menggalakkan lebih banyak inovasi dan penggunaan saluran pembiayaan alternatif dipacu oleh kemajuan teknologi digital.

## Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2019). *Investment Account Platform*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/yx9dkox3>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2018*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Laporan Tahunan 2018*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Julai 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Jun 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mei 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan April 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mac 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Februari 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2019). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Januari 2019*. Dicapai daripada <http://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism (AML/CFT) – Digital Currencies (Sector 6)*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/QwM20m4>
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Financial Technology Regulatory Sandbox Framework*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/yxv4smwg>
- Bursa Malaysia. (2019). *Bursa Malaysia Expands Trading Features to Provide More Opportunities for Market Participants*. Dicapai daripada <http://tiny.cc/rnkzcz>
- Bursa Malaysia. (2019). *Bursa Malaysia Launches Bursa Anywhere, ASEAN's First Mobile Depository Eservices App*. Dicapai daripada <http://tiny.cc/2pkzcz>
- Bursa Malaysia. (2019). *Bursa Malaysia Revamps and Liberalises Its Derivatives Market Rules and Directives to Enhance Business Efficiency and Flexibility of Doing Business among Trading and Clearing Participant*. Dicapai daripada <http://tiny.cc/3skzcz>
- Bursa Malaysia. (2019). *Bursa Malaysia to Launch T+2 Settlement Cycle on 29 April 2019*. Dicapai daripada <http://tiny.cc/lukzcz>
- Bursa Malaysia. (2019). *Bursa Malaysia's Technology Drive: Making the First Step into Blockchain-Powered Securities Borrowing and Lending*. Dicapai daripada <http://tiny.cc/nvkzcz>
- Dubai Islamic Bank. (2017). *Global Islamic Finance Report 2017*. Dicapai daripada <http://gifr.net>
- Dubai Islamic Economy Development Centre. (2018). *Islamic Fintech Report 2018: A Preview Current Landscape and Path Forward*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y2kngovh>
- Ernst & Young. (2018). *EY Study: Initial Coin Offerings (ICOs) The Class of 2017 - One Year Later*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y5gk6yto>
- Low, B. (2017). *Robo-Advisors Ready to Morph Malaysia's Islamic Finance Industry*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/yxo68g5a>

- Mahomed, D. Z., & Mohamad, P. S. (2018). *Disruptors Financial Innovation and Riding the Fintech Wave*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/yyt2vxgm>
- Malaysia Digital Economy Corporation. (2019). *Islamic Digital Economy (IDE)*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y43q9bd3>
- McSPadden, K. (2016). *Islamic Fintech Alliance Islamic Launched in KL*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y3c5armm>
- Mohamed, S., Goni, A. & Hassan, S. (2018). *ICD Thomson Reuters Islamic Finance Development Report 2018 Building Momentum*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y4s4fs7f>
- Mohamed, S. & Goni, A. (2017). *ICD Thomson Reuters Islamic Finance Development Indicator*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y6oahvmn>
- Myfteg. (2019). *Financial Technology Enabler Group (FTEG)*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y46m3n83>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Alliance of FinTech Community*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y64lz5wf>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Capital Markets and Services Act 2007 Capital Markets and Services (Prescription of Securities) (Digital Currency and Digital Token) Order 2019*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/PwKUcys>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Guidelines on Recognized Markets*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/GwKUvY8>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Laporan Tahunan 2018*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <http://www.sc.com.my>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Launch of National Strategy for Financial Literacy 2019 – 2023 by Financial Education Network*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/ywK44cT>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Malaysia Capital Market to Strengthen Cross-Border Cooperation with China*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/9wK44uC>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *New ECF, P2P Financing Operators and Property Crowdfunding Framework Announced at SC Fintech Roundtable*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/UwK48Lv>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *SC and Bursa to Continue Supporting a Facilitative and Market-Friendly Ecosystem*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/gwK441u>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *SC to Implement Anti-Corruption Action Plan*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/ewK47qJ>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *SC to Regulate Offering and Trading of Digital Asset*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/ewK47yL>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *The SC Issues Guiding Principles to Enhance Business Continuity Practices of Capital Market Entities*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/dwK47jo>
- The Edge Markets. (2019). *SC registers new ECF and P2P platform operators*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y5shp4bb>
- Thomson, M. (2019). *How a 26-Year-Old College Dropout Makes \$15,000 a Month with Bitcoin and Cryptocurrency Without Breaking a Sweat*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/pwKUBvK>
- Yusuf. (2019). *The Ultimate Guide to Understanding Blockchain and the Concept of Cryptocurrency*. Dicapai daripada <https://cutt.ly/MwKUnyW>

